

Tarikh: 10/01/2025

Pemberitahuan Awam: RSPO Pernilaian Semula Persijilan untuk Kilang Kelapa Sawit Genting Ayer Item, Genting Oil Mill Sdn Bhd, Genting Plantations Berhad (Nombor Keanggotaan RSPO: 1-0086-06-000-00)

Kepada Pihak Kepentingan,

Ini adalah untuk memberitahu bahawa Kilang Kelapa Sawit Genting Ayer Item di bawah Syarikat Induk Genting Plantations Berhad dengan nombor keanggotaan RSPO (1-0086-06-000-00) telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd ("BSI Malaysia") untuk melaksanakan penilaian Persijilan Semula yang akan dilaksanakan di lokasi Ayer Hitam, Johor, Malaysia. Pelaksanaan persijilan akan bermula pada 17/02 hingga 21/02/2025 menggunakan persyaratan standard Malaysia National Interpretation 2019 of the RSPO P&C 2018. Model rantai bekalan adalah Identity Preserved.

Nombor RSPO PO ID untuk Kilang Kelapa Sawit Genting Ayer Item adalah: RSPO_PO1000002439

Genting Plantations, anak syarikat Genting Berhad, mula beroperasi pada tahun 1980. Ia mengendalikan ladang kelapa sawit di Malaysia dan Indonesia, dan memiliki tujuh kilang sawit di Malaysia dan dua di Indonesia. Ia turut terlibat dalam pembuatan produk berasaskan sawit hilir. Genting Plantations juga telah mempelbagaikan bidangnya dalam pembangunan harta tanah, dan telah melabur secara signifikan di dalam bidang bioteknologi dalam usaha untuk menerapkan genomik untuk meningkatkan produktiviti dan kelestarian tanaman.

1. Maklumat yang berkaitan dengan data pengeluaran yang akan dinilai adalah sebagai berikut:

Kilang Kelapa Sawit Genting Ayer Item dan Sumber Pembekal			
Kilang Kelapa Sawit		Kilang Kelapa Sawit Genting Ayer Item	
Kapasiti KKS (ton/jam)		60 MT/jam	
Alamat / Lokasi		Batu 54, Jalan Johor, Ayer Hitam 86100, Johor, Malaysia	
Rujukan GPS (dalam derajat, menit & detik)	Latitude/Garis lintang	1.856722	
	Longitude/Garis bujur	103.21	
Anggaran Tahunan (MT)	Pegeluaran CPO	45,907.81 mt	
	PK	11,409.97 mt	
	FFB/TBS	223,287.00 mt	

2. Maklumat perincian mengenai Sumber Pembekal sebagai berikut:

No.	Ladang / Pekebun Kecil	Lokasi	Rujukan GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Anggaran Keluasan FFB Tahunan (MT)	Status <i>Liability</i> (L/NL)	Tarikh sertai (untuk Petani bebas)
			Latitude / Garis lintang	Longitude / Garis bujur	Jum. kaw. yg akan diperakui	Kawasan ditanam			
1.	Genting Kulai Besar Estate	No. 1213-1215, Jalan Kasturi 36/45,	1.615372	103.610983	2,666.45	2,024.10	38,139.00	NL	N/A




No.	Ladang / Pekebun Kecil	Lokasi	Rujukan GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Anggaran Keluaran FFB Tahunan (MT)	Status <i>Liability</i> (L/NL)	Tarikh sertai (untuk Petani bebas)
			Latitude / Garis lintang	Longitude / Garis bujur	Jum. kaw. yg akan diperakui	Kawasan ditanam			
		Indahpura, 81000 Kulai, Johor.							
2.	Genting Sri Gading Estate	PO Box No. 510, Jalan Bt Pahat – Kluang KM 12, Sri Gading, 83009 Bt Pahat, Johor.	1.839303	103.018339	3,529.20	3,219.18	59,852.00	NL	N/A
3.	Genting Sungei Rayat Estate	PO Box No. 511, Jalan Sri Gading - Pt Yaani KM 5, Sri Gading, 83009 Bt Pahat, Johor.	1.903942	103.010667	2,380.44	2,300.78	48,530.00	NL	N/A
4.	Genting Tanah Merah Estate	PO Box No.68, Jalan Tangak – Segamat KM 3, 84907 Tangkak, Johor.	2.28165	102.560325	2,242.05	2,034.63	35,048.00	NL	N/A
5.	Genting Tebong Estate	Jalan Tebong – Batang Melaka KM 4, 76460 Tebong, Melaka.	2.455569	102.360678	3,015.93	2,845.51	41,718.00	NL	N/A
TOTAL					13,834.07	12,424.20	223,287.00		

Note: L – memiliki Liability; NL – tidak memiliki Liability

Pembekal Ladang untuk persijilan ini tidak termasuk pengembangan penanaman baru Oleh yang sedemikian, tidak ada proses New Planting Procedure.

3. Lokasi Unit Pengurusan





BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. diakreditasi untuk menyediakan perkhidmatan persijilan RSPO P&C dan RSPO SCCS pihak ketiga yang bebas. BSI Malaysia adalah anak syarikat Kumpulan BSI, sebuah Syarikat Piagam Diraja Negara Inggeris. BSI adalah jenama terpercaya di dunia dalam menyediakan penyelesaian peningkatan perniagaan dengan lebih daripada 86,000 pelanggan di lebih dari 193 negara. Misi BSI adalah untuk berkongsi pengetahuan, inovasi dan amalan terbaik untuk membantu orang dan organisasi menjadikan kecemerlangan sebagai kebiasaan. BSI adalah Badan Piawaian Nasional UK. BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. mempunyai pejabat gabungan RSPO di Indonesia, Australia, China dan India.

Pasukan Penilaian akan terdiri:

Nama	Peranan / Aspek Pengliputan	Kelayakan dan Pengalaman
Nor Halis bin Abu Zar	Ketua Pasukan Audit Keselamatan dan kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang-undang, pelan ekonomi jangka panjang, time bound plan, rangkaian bekalan untuk kilang sawit	<ul style="list-style-type: none"> - Memiliki Sarjana Muda Sains, Teknologi Perladangan dan Pengurusan, Universiti Teknologi MARA. - Mempunyai pengalaman pelaksanaan kelestarian selama lebih 6 tahun, termasuk kebajikan pekerja, keselamatan dan kesihatan pekerja, pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar di kawasan penampakan dan pelan pengurusan penambahbaikan berterusan. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit IMS ISO 9001 & ISO 14001, RSPO P&C, RSPO SCCS, ISO 45001, MSPO, MSPO SCCS, Latihan Keperluan SMETA dan Latihan HCV-HCS.
Valence Shem	Ahli Pasukan Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, aspek lingkungan hidup, HCV & perlepasan gas rumah hijau, penambahbaikan yang berterusan, rangkaian bekalan untuk kilang sawit	<ul style="list-style-type: none"> - Memiliki Ijazah Sarjana Muda Teknologi Industri, Universiti Sains Malaysia. - Mempunyai pengalaman bekerja selama lebih 9 tahun dalam bidang berkaitan dengan industri ladang kelapa sawit. - Mula menyertai audit semenjak 2009 untuk pelbagai standard, antaranya ISO 14001, RSPO P&C, RSPO SCCS dan SMETA. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&C, RSPO SCCS, Latihan MPOB MSPO, MSPO SCCS, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA.
Farrah Sahanim binti Paduka	Ahli Pasukan Aspek social dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak, polisi, rangkaian bekalan untuk kilang sawit	<ul style="list-style-type: none"> - Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Perhutanan Dengan Kepujian (Taman Semula Jadi dan Rekreasi), Universiti Malaysia Sabah. - Pengalaman dalam pengauditan dalam industri kelapa sawit lebih daripada 4 tahun. Pengalaman dalam perundingan, juruaudit dalaman dan Pengurusan Latihan untuk pelbagai program seperti MSPO, ISCC dan ISO. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit IMS ISO 9001:2015 dan ISO 14001:2015, MS 2530:2013, CQI & IRCA Certified ISO 9001, ISO 45001, ISO 14001, RSPO P&C, RSPO SCCS dan Social accountability (SA8000).



Sebagai persediaan untuk proses penilaian, pihak berkepentingan yang berkaitan dijemput untuk memberikan input bertulis mengenai penilaian ini dengan memberi komen mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan unit pensijilan. Topik yang mungkin ingin anda komen adalah seperti berikut tetapi tidak terhad kepada:

- Perlindungan dan Penjagaan lingkungan hidup
- Hak Asasi Manusia & kebajikan pekerja
- Peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Free, prior and informed consent
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen yang diterima dalam masa 30 hari dari tarikh surat ini akan dipertimbangkan dalam Penilaian. Sila sertakan butir-butir berikut sekiranya kami mungkin perlu menghubungi anda untuk mendapatkan penjelasan atau tindakan lanjut mengenai masalah yang dibangkitkan oleh anda.

Nama: Emel:
 Jabatan: Nombor telefon:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Skim:

Dr. Chaiyaporn Seekao
 BSI Services Malaysia Sdn. Bhd.
 Suite 29.01 Level 29 The Gardens North
 Tower, Mid Valley City Lingkaran Syed
 Putra 59200 Kuala Lumpur
 Wilayah Persekutuan, Malaysia
 Faks : +603 9212 9639
 Emel : chaiyaporn.seekao@bsigroup.com

DAN / ATAU

Auditee:

En. Sivaji Raja Palanisamy
 Genting Plantations Berhad
 10th Floor, Wisma Genting
 Jalan Sultan Ismail
 50250 Kuala Lumpur
 Wilayah Persekutuan, Malaysia
 Faks : +603 2161 6149
 Emel : sivaji.palanisamy@gentingplantations.com

Terima kasih dan maklumbalas yang diberikan amat dihargai.

Yang benar,

.....
 Dr. Chaiyaporn Seekao
 Pengurus
 Teknikal & Pematuhan - Makanan (RSPO)